

Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat

Qiraat Studies In Faculty Of Qur'anic And Sunnah Studies, USIM: An Analysis Of Qiraat Understanding Level

Zainora Daudⁱ Hayati Hussinⁱⁱ Khairul Anuar Bin Mohamadⁱⁱⁱ & Mohd Shamsul Hakim Bin Abd Samad^{iv}

ⁱ Zainora binti Daud. Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. zainora@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. hayati.hussin@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. khairulanuar@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. shamsul@usim.edu.my

Article Progress

Received: 20 Oktober 2018

Revised: 10 November 2018

Accepted: 18 December 2019

Abstrak	Abstract
<p><i>Pengajian Qiraat ialah satu ilmu berkaitan yang membincangkan cara-cara sebutan kalimah-kalimah al-Quran dengan pelaksanaan yang disepakati dan diperselisihkan bersandarkan sanad yang sahih yang diriwayatkan oleh imam-imam qiraat merangkumi hadhaf, ithbat, taḥrik, taskin, al-fasl, al-wasl dan seumpamanya melalui kaedah talaqqi dan musyafahah. Hasil dpatan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa tahap penguasaan qiraat para pelajar masih berada di tahap sederhana, ditambah dengan beberapa kekangan dalam aspek kendiri pelajar serta penggunaan ABM dalam kelas. Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM merupakan sebuah fakulti Universiti Awam pertama di Malaysia telah memperkenalkan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah (Dengan Kepujian) dan telah menawarkan kursus Pengantar Qiraat dan Hafazan sebagai kursus wajib. Turut ditawarkan ialah kursus Qiraat Amali II sebagai kursus elektif dalam kedua-dua program. Manakala subjek Qiraat</i></p>	<p><i>Qiraat Studies is a relational knowledge that discusses ways of Quranic recitation with the agreed and disputed recital based on the authentic <i>sanad</i> narrated by the <i>qiraat</i> scholars including <i>hadhaf</i>, <i>ithbat</i>, <i>taḥrik</i>, <i>taskin</i>, <i>al-fasl</i>, <i>al-wasl</i> and in any similar manners through <i>talaqqi</i> and <i>musyafahah</i>. The findings from the previous studies showed that the <i>qiraat</i> capability among the students is still at a moderate level, with some constraints within themselves as well as the ABM usage in the classroom. The Faculty of Quranic and Sunnah Studies, USIM is the first Public University faculty in Malaysia to introduce the Bachelor of Quran and Sunnah Studies (With Honors) program and has offered the subject of <i>Qiraat</i> and <i>Hafazan</i> as a compulsory course and</i></p>

<p><i>Amali I dan Qiraat Amali II sebagai kursus wajib dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia (Dengan Kepujian). Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti latarbelakang pelajar dan mengkaji tahap kefahaman pelajar terhadap pengajian qiraat. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kaedah kuantitatif dengan menggunakan metode soal selidik. Tahap nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperoleh bagi semua instrumen dalam soal selidik adalah tinggi (>0.8). Sebanyak 201 responden telah menjawab soal selidik yang diedarkan bagi kedua-dua program pengajian iaitu Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah serta Ijazah Sarjana Muda Quran dengan Mutimedia mengikut persampelan Proportionate Stratified Random Sampling. Dapatkan hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman para pelajar dalam pengajian qiraat berada pada tahap baik, namun masih memerlukan penambahbaikan yang berterusan agar para pelajar mempunyai minat dan kesungguhan yang tinggi dalam bidang pengajian qiraat.</i></p> <p>Kata kunci: Pengajian Qiraat, ithbat, tahrik, Quran dan Sunnah, Quran dengan Multimedia,.</p>	<p>Qiraat Amali II as an elective subject in this program. While Qiraat Amali I and Qiraat Amali II are the compulsory courses in the Bachelor of Quran Studies with Multimedia (Hons). The objective of this research is to identify students' background and to study the level of students' understanding of Qiraat. The research design used was a quantitative method using a survey method. The level of Alpha Cronbach's reliability value obtained for all instruments in the questionnaire was high (> 0.8). A total of 201 respondents answered the questionnaires distributed among the two Bachelor Degree programs namely the Quran and Sunnah and the Quran with Multimedia based on the Proportionate Stratified Random Sampling. The findings show that the level of understanding of students in qiraat studies is good but still requires continuous improvement so that students would have a high interest and passion in the field of qiraat studies.</p> <p>Keyword(s): Qiraat Studies, Ithbat, Tahrik, Quran and Sunnah, Quran with Multimedia.</p>
--	--

PENDAHULUAN

Qiraat dari segi bahasa ialah kata *jama'* bagi perkataan *qira'ah* yang bererti bacaan. *Qira'ah* ialah kata nama terbitan bagi kata kerja perbuatan masa lalu, iaitu *qarā'a* dan perbuatan masa kini, iaitu *yaqra'u*. Orang yang membaca dikenali sebagai *qari*. Manakala lafaz *Qur'an* pula bererti sesuatu yang dibaca (Al-Fayruz Abadi, 1998).

Dari sudut istilah al-Dimyati mendefinisikan ilmu qiraat sebagai ilmu yang diketahui daripadanya kesepakatan orang-orang yang menaqlkan kitab Allah dan juga perbezaan mereka pada *hadhaf*, *ithbat*, *tahrik*, *taskin*, *al-fasl*, *al-wasl* dan sebagainya dari segi keadaan, menyebut, pertukaran dan pendengaran. 'Abd al-Fattaḥ al-Qadi pula menerangkan bahawa qiraat sebagai suatu ilmu yang membahaskan tentang cara menyebut kalimah-kalimah al-Quran dan jalan menunaikannya dari segi persamaan dan perselisihan serta menyandarkan setiap bentuk bacaan kepada perawinya (Al-Dimyāṭī, 1998).

Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa pengajian qiraat ialah berkaitan dengan cara-cara sebutan kalimah-kalimah al-Quran dengan pelaksanaan yang disepakati dan diperselisihkan bersandarkan sanad yang *ṣaḥīḥ* yang diriwayatkan oleh imam-imam qiraat merangkumi *hadhaf*, *ithbat*, *tahrik*, *taskin*, *al-fasl*, *al-wasl* dan seumpamanya dari aspek pendengaran sama ada secara teori dan amali.

KAJIAN LEPAS

Terdapat kajian-kajian lepas berkaitan pengajian qiraat dari aspek pengajaran dan pembelajaran dalam konteks lokasi dan responden yang berbeza.

Hasil kajian berkaitan persepsi pelajar terhadap pembelajaran qiraat menunjukkan bahawa persepsi dan sikap yang positif pelajar-pelajar terhadap pembelajaran kurikulum qiraat dari aspek minat ilmu qiraat, suka mempelajari kandungan kurikulum *Qiraat Ilmi* dan *Qiraat Amali*, tahu kepentingan kurikulum qiraat dalam bidang *tahfiz* serta berkemampuan membaca *Qiraat Sab'ah* (Zainora Daud et al, 2015). Oleh itu, para pensyarah perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan mengamalkan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar.

Bahkan terdapat juga satu artikel yang merumuskan bahawa pelaksanaan kurikulum qiraat dari aspek masa pengajaran dan pembelajaran, alat bantu mengajar di dalam kelas perlu dipertingkatkan kerana kandungan kurikulumnya yang banyak merupakan salah satu faktor kemampuan pelajar yang menyumbang ketidakmampuan pelajar dalam pengajian qiraat (Zainora Daud dan Mustaffa Abdullah. 2014).

Ini disokong dengan hasil kajian menyatakan bahawa tahap penguasaan qiraat berada di tahap yang sederhana dan kemampuan mereka untuk mengamalkan qiraat di tahap yang rendah khususnya di kalangan pelajar-pelajar

tahfiz kerana mereka merasakan subjek qiraat sukar difahami dan dipelajari dalam bab *usul* dan *farshy huruf* qiraat mengikut *Qiraat Sab'ah*, masa tidak mencukupi, penggunaan bahasa arab sebagai pengantar bahasa utama dalam pengajaran dan pembelajaran dan kekurangan bahan-bahan rujukan (Abd Rahman Abd Ghani et.al. 2012).

Kajian tentang silibus pengajian qiraat telah dilakukan oleh Muhammad Fairuz A. Adi dengan tajuk “Perbandingan Kurikulum Qiraat di Ma’ahad Qiraat Shubra dan Darul Quran (JAKIM)” menumpukan kepada pengenalan ringkas Ma’ahad Qiraat Shubra dan Darul Quran (JAKIM) dan sistem pengajian qiraat mengikut tahun Muhammad Fairuz A. Adi et.al, 2010).

Seterusnya juga memfokuskan silibus qiraat di Universiti Mohammed V-Agdal Morocco dan KUIS”. Kajian ini juga hanya melibatkan pengenalan tentang Universiti Mohammed V-Agdal Morocco dan Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, KUIS dan struktur kurikulum pengajian qiraat secara ringkas (Hayati Hussin et.al, 2010).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ialah berbentuk kajian kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan merupakan satu metode untuk mengumpul maklumat menerusi satu set soalan kepada satu sampel yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji (Sabitha Marican. 2005). Soal selidik merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Satu set soalan dalam bentuk tulisan yang dibina khusus untuk mengumpul maklumat bagi menjawab persoalan kajian (*Ibid*).

Sebanyak 201 set soal selidik berdasarkan perkiraan oleh Krejcie dan Morgan dalam Educational and Psychological Measurement (Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan. 1970) telah diedarkan secara rawak bersrata dan seimbang kepada para pelajar semester tujuh¹ Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Persampelan ini termasuk di dalam kategori persampelan kebarangkalian. Ia merujuk kepada prosedur persampelan sama ada secara rawak mudah atau persampelan sistematik di mana sekumpulan subjek akan dipilih secara seimbang sebagai responden kajian (Uma Sekaran. 2003). Justifikasi pemilihan kerana mereka telah terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus qiraat yang ditawarkan di fakulti. Instrumen soal selidik merupakan kaedah yang berkesan dengan persampelan yang sesuai dan tepat dapat mewakili populasi yang sebenar. (Mok Soon Sang. 2009). Artikel ini akan menumpukan terhadap kefahaman para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran qiraat sahaja.

¹ Justifikasi pemilihan kerana mereka telah terlibat secara sempurna pengajaran kursus *Qiraat Ilmi* dan *Qiraat Amali* di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi empat bahagian utama. Bahagian A merangkumi soalan berkaitan data demografi responden. Bahagian B berkaitan pengajian qiraat. Bahagian C pula berkaitan kaedah pelaksanaan dan bahagian D pula berkaitan tentang kefahaman pengajian qiraat.

Lima skor skala likert telah ditentukan dalam kajian ini seperti dalam jadual 1 di bawah iaitu:

Jadual 1. Interpretasi Min dimensi Tingkah Laku Afektif

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.00-2.00	Rendah

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian merangkumi dua bahagian iaitu bahagian A berkaitan profil pelajar dan bahagian B berkaitan tahap kefahaman pengajian qiraat di kalangan responden ditunjukkan dalam jadual-jadual di bawah:

Dapatan kajian profil pelajar meliputi maklumat nama program, jantina, kelulusan masuk, belajar qiraat sebelum ke Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM, mendengar bacaan qiraat, pendorong belajar qiraat, tahap penguasaan qiraat, al-Quran dan tajwid. Kesemua dapatan ini boleh dilihat dalam jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Bahagian A Latar Belakang Pelajar

Item		Kekerapan	Peratusan
Nama Program	QS	138	68.7%
	QM	63	31.3%
Jantina	Lelaki	37	18.4%
	Perempuan	164	81.6%
Kelulusan masuk	SPM	2	1.0%
	STAM	149	74.1%
	STPM	30	14.9%
	Diploma	8	4.0%
	Lain-lain	12	6.0%
Belajar qiraat	Pernah	51	25.4%

belum ke FPQS	Tidak Pernah	150	74.6%
Mendengar bacaan qiraat selain <i>riwayah Hafs</i>	Pernah	130	64.7%
belum ke FPQS	Tidak Pernah	71	35.3%
Pendorong mempelajari qiraat	Diri Sendiri	65	32.3%
	Ibu/Bapa/Penjaga	9	4.5%
	Rakan	6	3.0%
	Guru	95	47.3%
	Lain-lain	26	12.9%
Tahap penguasaan qiraat	Sangat Baik	3	1.5%
	Baik	46	22.9%
	Sederhana	134	66.7%
	Lemah	12	6.0%
	Sangat Lemah	5	2.5%
Tahap penguasaan al-Quran	Sangat Baik	21	10.4%
	Baik	135	67.2%
	Sederhana	43	21.4%
	Lemah	2	1.0%
	Sangat lemah	0	0%
Tahap penguasaan tajwid	Sangat Baik	21	10.4%
	Baik	130	64.7%
	Sederhana	47	23.4%
	Lemah	3	1.5%
	Sangat Lemah	0	0%

Sumber: Soal Selidik

Dapatkan kajian dalam jadual 2 di atas menunjukkan responden dalam bidang pengkhususan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah iaitu 68.7% melebihi pengkhususan program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia iaitu 31.3%. Dari aspek jantina, bilangan pelajar perempuan (81.6%) mengatasi bilangan pelajar lelaki (18.4%).

Dari aspek kelulusan memasuki bidang pengajian di FPQS, USIM, majoriti berkelulusan STAM (74.1%), STPM (14.9%), lain-lain (6.0%), Diploma (4.0%) dan SPM (1.0%). Sebanyak 74.6% responden tidak pernah belajar qiraat sebelum memasuki FPQS, USIM berbanding 25.4% yang pernah belajar. Seramai 64.7% responden pernah mendengar bacaan qiraat selain bacaan riwayat imam Hafs ‘an Ashim berbanding yang tidak pernah mendengar 35.3%. Dari aspek pendorong utama belajar qiraat, faktor utama guru 47.3%, diri sendiri 32.3%, lain-lain 12.9%, ibubapa 4.5% dan rakan 3.0%. Dari aspek tahap penguasaan qiraat, berada tahap

sederhana 66.7%, 22.9% baik, 6.0% lemah, sangat lemah 2.5% dan 1.5% sangat baik. Dari aspek tahap penguasaan bacaan al-Quran, tahap baik 67.2%, sederhana 21.4%, sangat baik 10.4% dan lemah 1.0%. Manakala dari aspek penguasaan ilmu tajwid pula, tahap baik 64.7%, 23.4% sederhana, 10.4% sangat baik dan 1.5% adalah lemah.

Jadual 3 Taburan Kekerapan, Peratusan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min
Hasil Pembelajaran dari Persepsi Pelajar

Hasil Pembelajaran	STS	TS	KS	S	SS	Min	S.P	Interpreta si
Saya memahami asas kaedah <i>Qiraat Sab'ah</i>	3 1.5%	4 2.0%	34 16.9%	118 58.7%	42 20.9%	3.95	0.77	Sederhana Tinggi
Mengetahui latarbelakang, perkembangan ilmu qiraat dan hubungkaitnya	3 1.5%	3 1.5%	52 25.9%	107 53.2%	36 17.9%	3.84	0.78	Sederhana Tinggi
Mahir bezakan bacaan <i>usul qiraat</i> dan <i>farsh huruf</i> dalam sukatan	3 1.5%	11 5.5%	68 33.8%	97 48.3%	22 10.9%	3.61	0.81	Sederhana Tinggi
Menguasai sejarah imam dan perawi	5 2.5%	12 6.0%	78 38.8%	92 45.8%	14 7.0%	3.48	0.81	Sederhana Tinggi
Menguasai istilah-istilah penting qiraat	4 2.0%	11 5.5%	53 26.4%	111 55.2%	22 10.9%	3.67	0.81	Sederhana Tinggi
Menghafaz <i>matan al-Syatibiyah</i>	9 4.5%	21 10.4%	78 38.8%	79 39.3%	14 7.0%	3.33	0.91	Sederhana Tinggi
Menguasai teori <i>matan al-Syatibiyah</i>	5 2.5%	20 10.0%	80 39.8%	85 42.3%	11 5.5%	3.38	0.83	Sederhana Tinggi
Menguasai bacaan <i>usul qiraat</i> dan <i>farsh huruf</i>	4 2.0%	7 3.5%	71 35.3%	104 51.7%	15 7.5%	3.59	0.76	Sederhana Tinggi
Boleh membaca ayat-ayat Al-Quran mengikut <i>Qiraat Sab'ah</i>	4 2.0%	13 6.5%	71 35.3%	91 45.3%	22 10.9%	3.56	0.84	Sederhana Tinggi
Menguasai <i>Qiraat Sab'ah</i> dalam sukatan al-Quran	6 3.0%	17 8.5%	84 41.8%	74 36.8%	20 10.0%	3.42	0.89	Sederhana Tinggi
Mahir menyebut bacaan <i>qiraat</i> dari segi <i>hazaf alif</i> dan <i>hamzah</i>	4 2.0%	13 6.5%	66 32.8%	98 48.8%	20 10.0%	3.58	0.83	Sederhana Tinggi
Menguasai bacaan <i>ishmam al-Sad</i> seperti <i>al-Zay</i>	6 3.0%	17 8.5%	75 37.3%	83 41.3%	20 10.0%	3.46	0.89	Sederhana Tinggi
Mahir kadar <i>harakah Mad</i>	3	6	41	115	36	3.87	0.78	Sederhana

<i>al-Munfasil</i> dan <i>Mad al-Muttasil</i>	1.5%	3.0%	20.4%	57.2%	17.9%			Tinggi
Mahir bacaan <i>sakta</i> pada <i>alif lam ta'rif</i>	3 1.5%	10 5.0%	44 21.9%	109 54.2%	35 17.4%	3.81 0.83	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>sakta</i> pada <i>shay</i>	2 1.0%	6 3.0%	48 23.9%	108 53.7%	37 18.4%	3.85 0.78	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>sakta</i> pada <i>al-Mafṣūl</i>	2 1.0%	6 3.0%	51 25.4%	106 52.7%	36 17.9%	3.83 0.78	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>naqal</i> ketika <i>waqf</i>	3 1.5%	6 3.0%	51 25.4%	107 53.2%	34 16.9%	3.81 0.80	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>silah mim jama'</i>	2 1.0%	9 4.5%	35 17.4%	116 57.7%	39 19.4%	3.90 0.79	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>ibdal</i>	2 1.0%	7 3.5%	43 21.4%	112 55.7%	37 18.4%	3.87 0.78	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>tashil</i>	2 1.0%	8 4.0%	58 28.9%	102 50.7%	31 15.4%	3.75 0.79	Sederhana Tinggi	
Mahir bacaan <i>rawm</i>	4 2.0%	14 7.0%	77 38.3%	86 42.8%	20 10.0%	3.51 0.84	Sederhana Tinggi	
Mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan <i>Qiraat Sab'ah</i> kepada masyarakat	3 1.5%	12 6.0%	94 46.8%	82 40.8%	10 5.0%	3.41 0.74	Sederhana Tinggi	
Dapat menguasai ilmu qiraat dengan kaedah yang diajar	3 1.5%	8 4.0%	55 27.4%	122 60.7%	13 6.5%	3.66 0.72	Sederhana Tinggi	
Mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan qiraat	3 1.5%	17 8.5%	79 39.3%	89 44.3%	13 6.5%	3.45 0.79	Sederhana Tinggi	
Yakin dengan kemampuan dalam pengajian qiraat	4 2.0%	11 5.5%	65 32.3%	99 49.3%	22 10.9%	3.61 0.82	Sederhana Tinggi	
Keperibadian unggul oleh imam <i>qurra'</i> menambahkan minat mendalami dan mengkaji ilmu al-Quran	1 0.5%	8 4.0%	32 15.9%	124 61.7%	36 17.9%	3.92 0.73	Sederhana Tinggi	
Meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara <i>habl min Allah</i> dan <i>habl min al-Nas</i>	0 0%	2 1.0%	32 15.9%	103 51.2%	64 31.8%	4.13 0.70	Tinggi	

Sumber Soal Selidik

Hasil dapatan dalam jadual 3 di atas menunjukkan hanya satu sahaja item berada di tahap tinggi iaitu item meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *Habl min Allah* dan *Habl min al-Nas* ($\text{min}=4.13$, $\text{sp}=0.70$) dengan responden yang sangat bersetuju (31.8%) dan bersetuju (51.2%).

Manakala dua puluh enam item lagi berada di tahap sederhana tinggi iaitu item saya memahami asas kaedah *Qiraat Sab'ah* ($\text{min}=3.95$, $\text{sp}=0.77$) dengan responden yang sangat bersetuju (20.9%) dan bersetuju (58.7%), item keperibadian unggul oleh imam qurra' menambahkan minat mendalam dan mengkaji ilmu al-Quran ($\text{min}=3.92$, $\text{sp}=0.73$) dengan responden yang sangat bersetuju (17.9%) dan bersetuju (61.7%), item mahir bacaan *silah mīm jama'* ($\text{min}=3.90$, $\text{sp}=0.79$) dengan responden yang sangat bersetuju (19.4%) dan bersetuju (57.7%), item mahir kadar *harakah Mad al-Munfasil* dan *Mad al-Muttasil* ($\text{min}=3.87$, $\text{sp}=0.78$) dengan responden yang sangat bersetuju (17.9%) dan bersetuju (57.2%), item mahir bacaan *ibdal* ($\text{min}=3.87$, $\text{sp}=0.78$) dengan responden yang sangat bersetuju (18.4%) dan bersetuju (55.7%). item mahir bacaan *saktah* pada *shay* ($\text{min}=3.85$, $\text{sp}=0.78$) dengan responden yang sangat bersetuju (18.4%) dan bersetuju (53.7%), item mengetahui latarbelakang, perkembangan ilmu qiraat dan hubungkaitnya ($\text{min}=3.84$, $\text{sp}=0.78$) dengan responden yang sangat bersetuju (17.9%) dan bersetuju (53.2%), item mahir bacaan *saktah* pada *al-Mafsul* ($\text{min}=3.83$, $\text{sp}=0.78$) dengan responden yang sangat bersetuju (17.9%) dan bersetuju (52.7%), item mahir bacaan *saktah* pada *alif lam ta'rif* ($\text{min}=3.81$, $\text{sp}=0.83$) dengan responden yang sangat bersetuju (17.4%) dan bersetuju (54.2%), item mahir bacaan *naqal* ketika *waqf* ($\text{min}=3.81$, $\text{sp}=0.80$) dengan responden yang sangat bersetuju (16.9%) dan bersetuju (53.2%), item mahir bacaan *tashil* ($\text{min}=3.75$, $\text{sp}=0.79$) dengan responden yang sangat bersetuju (15.4%) dan bersetuju (50.7%), item menguasai istilah-istilah penting qiraat ($\text{min}=3.67$, $\text{sp}=0.81$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.9%) dan bersetuju (55.2%), item dapat menguasai ilmu qiraat dengan kaedah yang diajar ($\text{min}=3.66$, $\text{sp}=0.81$) dengan responden yang sangat bersetuju (6.5%) dan bersetuju (60.7%), item yakin dengan kemampuan dalam pengajian qiraat ($\text{min}=3.61$, $\text{sp}=0.82$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.9%) dan bersetuju (49.3%), item mahir bezakan bacaan *usul qiraat* dan *farsh huruf* dalam sukatan ($\text{min}=3.61$, $\text{sp}=0.81$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.9%) dan bersetuju (48.3%), item menguasai bacaan *usul qiraat* dan *farsh huruf* ($\text{min}=3.59$, $\text{sp}=0.72$) dengan responden yang sangat bersetuju (7.5%) dan bersetuju (51.7%), item mahir menyebut bacaan qiraat dari segi *hadhaf alif* dan *hamzah* ($\text{min}=3.58$, $\text{sp}=0.83$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.0%) dan bersetuju (48.8%), item boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qiraat Sab'ah* ($\text{min}=3.56$, $\text{sp}=0.84$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.9%) dan bersetuju (45.3%), item mahir bacaan *rawm* ($\text{min}=3.51$, $\text{sp}=0.84$) dengan responden yang sangat bersetuju

(10.0%) dan bersetuju (42.8%), item menguasai sejarah imam dan perawi ($\text{min}=3.48$, $\text{sp}=0.81$) dengan responden yang sangat bersetuju (7.0%) dan bersetuju (45.8%), item menguasai bacaan *ishmam al-Sad* seperti *al-Zay* ($\text{min}=3.46$, $\text{sp}=0.89$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.0%) dan bersetuju (41.3%) serta item mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan qiraat ($\text{min}=3.45$, $\text{sp}=0.79$) dengan responden yang sangat bersetuju (6.5%) dan bersetuju (44.3%).

Begitu juga dengan item menguasai *Qiraat Sab'ah* dalam sukatan al-Quran ($\text{min}=3.42$, $\text{sp}=0.89$) dengan responden yang sangat bersetuju (10.0%) dan bersetuju (36.8%), item mampu menerangkan kaedah-kaedah bacaan *Qiraat Sab'ah* kepada masyarakat ($\text{min}=3.41$, $\text{sp}=0.74$) dengan responden yang sangat bersetuju (5.0%) dan bersetuju (40.8%), item menguasai teori *al-Syatibiyah* ($\text{min}=3.38$, $\text{sp}=0.83$) dengan responden yang sangat bersetuju (5.5%) dan bersetuju (42.3%) dan item menghafaz *matan al-Syatibiyah* ($\text{min}=3.33$, $\text{sp}=0.91$) dengan responden yang sangat bersetuju (7.0%) dan bersetuju (39.3%).

PERBINCANGAN

Dapatan kajian berkaitan profil pelajar menunjukkan bahawa responden dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian paling ramai berbanding dengan responden dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian. Dari aspek jantina, bilangan pelajar perempuan mengatasi bilangan pelajar lelaki dengan jumlah sebanyak 81.6%. Majoriti para pelajar yang belajar dalam bidang pengajian di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM merupakan lulusan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) iaitu sebanyak (74.1%) dan hampir sebahagian besar responden tidak pernah belajar qiraat sebelum memasuki Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM iaitu sebanyak (74.6%). Walau bagaimanapun sebahagian besar dari responden pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat imam Hafs 'an Ashim dan guru merupakan faktor utama yang mendorong minat mereka untuk mempelajari qiraat.

Dari aspek tahap penguasaan antara al-Quran, tajwid dan qiraat menunjukkan bahawa hampir majoriti responden menguasai dengan baik bacaan al-Quran dan tajwid berbanding dengan qiraat. Ini boleh dikaitkan dengan faktor pengalaman sebelum mereka memasuki fakulti kerana sebahagian besar mereka tiada pendedahan kelas khusus melainkan pernah mendengar bacaan qiraat selain riwayat Hafs 'an Ashim.

Manakala dari aspek dapatan keseluruhan kajian ini menunjukkan para pelajar yang terlibat dengan pengajian qiraat secara teori dan amali dalam Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Quran dengan Multimedia dengan kepujian, USIM mempunyai tahap kefahaman yang sederhana tinggi.

Ini jelas dibuktikan hasil analisis terhadap kefahaman para pelajar bahawa mereka mengakui bahawa mereka mengetahui latarbelakang, perkembangan ilmu

qiraat dan hubungkaitnya, menguasai istilah-istilah penting qiraat, menguasai sejarah imam dan perawi dan mengetahui asas kaedah serta teori *Qiraat Sab'ah* seperti yang termaktub dalam kandungan kurikulum pengajian qiraat secara teori dan amali seperti bacaan *şilah mim jama'*, kadar *harakah Mad al-Munfaşil* dan *Mad al-Muttaşil*, bacaan *ibdal*, bacaan *sakta* pada *shay*, bacaan *sakta* pada *al-Mafşūl*, bacaan *sakta* pada *alif lām ta'rīf*, bacaan *naqal* ketika *waqf*, bacaan qiraat dari segi *hadhaf alif* dan *hamzah*, bacaan *rawm* dan bacaan *ishmām al-Şād* seperti *al-Zāy*.

Bahkan para pelajar juga mampu membezakan bacaan *usul qiraat* dan *farsh huruf* dalam sukanan kursus dan disokong dengan mereka mengakui bahawa dapat menguasai ilmu qiraat dengan kaedah yang diajar oleh para pensyarah. Ini ditambah dengan kendiri positif mereka sebab yakin dengan kemampuan dalam pengajian qiraat sehingga boleh membaca ayat-ayat al-Quran mengikut *Qiraat Sab'ah* dan mampu membaca al-Quran dengan pelbagai kaedah bacaan qiraat berdasarkan sukanan dalam silibus kursus-kursus pengajian qiraat. Malahan keperibadian unggul oleh imam *qurrā'* juga mampu menambahkan minat mendalamai dan mengkaji ilmu al-Quran.

Walaupun hampir keseluruhan item-item analisis terhadap kefahaman para pelajar berada di tahap sederhana tinggi dan memerlukan penambahbaikan dari aspek pengajaran dan pembelajaran. Namun terdapat satu item berada di tahap tinggi iaitu meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *Habl min Allah* dan *Habl min al-Nas*. Ini menunjukkan bahawa hasil pengajaran dan pembelajaran dalam bidang qiraat memberi impak yang sangat positif sehingga boleh melahirkan karakter mukmin yang *kamil* dalam aspek integrasi naqli dan aqli sehingga boleh diterjemah dalam jatidiri mereka.

PENUTUP

Tahap kefahaman para pelajar dalam pengajian qiraat yang ditawarkan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM berdasarkan perincian aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran dalam kursus-kursus ilmu qiraat berada di tahap yang baik tetapi masih memerlukan usaha penambahbaikan secara berterusan supaya dapat dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun daptan kajian ini menunjukkan hanya satu aspek sahaja daripada perspektif pelajar yang berada di tahap tinggi dan perlu dikenalkan iaitu aspek meningkatkan takjub keagungan al-Quran dan memelihara *habl min Allah* dan *habl min al-Nas*.

Ini juga jelas menunjukkan bahawa kredibiliti pensyarah dan tahap penyampaian mereka dalam kelas juga jelas dan tepat lebih-lebih lagi dengan peranan mereka mampu menjadi faktor utama pendorong minat pelajar ditambah dengan hanya penawaran dua kursus di kalangan responden pelajar. Namun masih perlu kepada penambahbaikan secara berterusan agar mampu meningkatkan tahap penguasaan pelajar dalam bidang qiraat.

RUJUKAN

Buku

- Al-Fayruz Abadi, "Qara'a," 1419H/1998M. *Al-Qamus al-Muhiṭ*. Beirut: Mua'ssasah al-Risalah.
- Hayati Hussin et.al, 2010."Silibus Pengajian Qiraat di Universiti Muhammad V Morocco dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Kajian Perbandingan" (Prosiding, Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, 29 November-1 Disember 2010.
- Muhammad Fairuz A.Adi et.al, 2010."Silibus Pengajian Qiraat di Ma'ahad Qiraat Shubra di Mesir dan Darul Quran JAKIM: Kajian Perbandingan" (Prosiding Seminar ICIED, Bangi, Selangor: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaya, 29 November-1 Disember 2010.
- Mok Soon Sang. 2009. Literatur dan Kaedah Penyelidikan. Selangor: Penerbitam Multimedia Sdn Bhd
- Robert V.Krejcie dan Darylen W.Morgan. 1970. "Determining Sample Size for Research Activitie dalam Educational and Psychological Measurement", Vol. 30. Duluth: University of Minnersona.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn Bhd
- Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin'Abd al-Ghānī Al-Dimyātī, 1419H/1998. *Ithaf al-Fudala' al-Bashar bi al-Qira'at al-'Arba' 'Ashr*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Uma Sekaran. 2003. *Research Methods For Bussiness A Skill-Building Approach* Ed. 4th. Inc: US Amerika: John Wiley&Sons.

Jurnal

- Abd Rahman Abd Ghani etal. 2012. "Kurikulum Pengajian dan Permasalahan Qiraat di KUIS: Kajian di Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat". Jurnal Pengajian Islam. Selangor: Unit Pembangunan dan Penyelidikan, Akademi Islam KUIS
- Zainora Daud dan Mustaffa Abdullah. 2014. Keberkesanan Kurikulum Qiraat Di Kalangan Pelajar Darul Quran: Satu Tinjauan Awal. E – Journal Of Arabic Studies And Islamic Civilization. Bil.1, No.169-180.
- Zainora Daud etal, 2015. Pembelajaran Kurikulum Qiraat: Satu Kajian terhadap Persepsi Pelajar Syukbah Qiraat di DQ dan MTQN. Jurnal Sultan Alauddin Shah. Vol 2. bil.1. No. 1-8. Selangor: Penerbit Pusat Pengajian Teras, KUIS.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.